

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang Malaysia yang dibawa keluar negeri sepanjang 2020 dan 2021 dalam pelbagai tujuan dan levi yang dikutip dan sejauh mana kehilangan memberi kesan ke atas kutipan hasil negara.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pada tahun 2020, aliran wang keluar Malaysia bagi akaun primer dan sekunder adalah berjumlah 112.3 bilion ringgit. Ini merangkumi transaksi seperti bayaran pampasan pekerja berjumlah 14.1 bilion ringgit, serta pendapatan pelaburan sebanyak 68.4 bilion ringgit, termasuk penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh pelabur asing di Malaysia.

Sementara itu, aliran wang keluar negara bagi tempoh Januari hingga September 2021 adalah sebanyak 103.2 bilion ringgit. Ini merangkumi transaksi berjumlah 80.9 bilion ringgit yang meliputi bayaran bagi pampasan pekerja berjumlah 9.7 bilion ringgit dan bayaran pendapatan pelaburan bernilai 71.2 bilion ringgit.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman juga, jumlah kutipan hasil daripada levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit, levi kenderaan barang, levi pelepasan dan levi pekerja asing adalah berjumlah 2.2 bilion ringgit bagi tahun 2020.

Jumlah ini adalah sebanyak 1 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan. Walaupun ini dilihat kecil dalam menyumbang kepada kutipan hasil negara, namun ia masih membantu dalam membiayai perbelanjaan operasi Kerajaan. Setiap kutipan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, dan disalurkan kepada perbelanjaan seperti emolumen, bayaran khidmat hutang dan persaraan.

Sekian, terima kasih.